

## PERTANDINGAN TEKA SILANG KATA INTEGRITI FELDA

**Tarikh Tutup Penyertaan : 27 November 2020**

### A. Maklumat Pertandingan

- i. Pertandingan ini dianjurkan oleh Unit Integriti FELDA;
- ii. Pertandingan terbuka kepada semua petugas Kumpulan FELDA (FELDA, FELDA Technoplant (FTP) dan Felda Investment Company (FIC)) di Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan;
- iii. Penyertaan pertandingan adalah PERCUMA.

### B. Terma dan Syarat Penyertaan

- i. Pertandingan ini akan berlangsung dari **2 November 2020 hingga 27 November 2020** iaitu selama 4 minggu;
- ii. Peserta perlu mencetak setiap siri (setiap minggu) dan menghantar keempat-empat borang penyertaan yang telah dijawab dengan LENGKAP dan TEPAT;
- iii. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan lewat diterima;
- iv. Penyertaan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Unit Integriti atau e-mel [unitintegriti.felda@felda.net.my](mailto:unitintegriti.felda@felda.net.my) atau [sarinorfitrah.ah@felda.net.my](mailto:sarinorfitrah.ah@felda.net.my) atau [wahida.aw@felda.net.my](mailto:wahida.aw@felda.net.my) selewat-lewatnya pada **27 November 2020**;
- v. Pemenang akan dihubungi melalui telefon dan e-mel;
- vi. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan penerbitan oleh peserta;
- vii. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta secara automatik dianggap bersetuju untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan;
- viii. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**; dan
- ix. Sebarang pertanyaan, sila hubungi;

**Unit Integriti,**  
**Tingkat 34, Menara FELDA,**  
**Platinum Park, No.11 Persiaran KLCC,**  
**50088 Kuala Lumpur.**  
**No. Tel : 03-2191 2349 / 2109**  
**E-mel : [sarinorfitrah.ah@felda.net.my](mailto:sarinorfitrah.ah@felda.net.my)**  
**[wahida.aw@felda.net.my](mailto:wahida.aw@felda.net.my)**

### **C. KRITERIA PENILAIAN**

- i. Setiap penyertaan akan dinilai oleh panel juri yang dilantik oleh pihak penganjur;
- ii. Penilaian dan penghakiman adalah berasaskan pematuhan syarat-syarat pertandingan seperti yang digariskan dan semua soalan dijawab dengan lengkap dan tepat bagi keempat-empat siri soalan;
- iii. **Keputusan panel juri adalah muktamad** dan tiada bantahan akan diterima.

### **D. HAK MENGGUNA**

- i. Peserta berhak mengekalkan hak milik ke atas jawapan yang diberikan dan bersetuju untuk memberi hak mutlak kepada Unit Integriti FELDA sebagai penganjur untuk mengguna, menghasilkan semula, mempamer, menyiarkan, menjadikan sumber, tujuan promosi dan pendidikan seperti poster, cetakan risalah, buku, laman web dan lain-lain tujuan, dan hak ini tidak boleh ditarik balik, akan berterusan dan bebas daripada pembayaran sebarang royalti.
- ii. Setiap penyertaan yang diterima tidak akan dikembali.

### **E. TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

- i. Semua borang penyertaan yang telah lengkap diisi berserta dengan grafik mesti dihantar kepada Unit Integriti FELDA selewat-lewatnya pada **27 November 2020** sebelum jam 4.00 petang melalui e-mel kepada [unitintegriti.felda@felda.net.my](mailto:unitintegriti.felda@felda.net.my) atau [sarinorfitrah.ah@felda.net.my](mailto:sarinorfitrah.ah@felda.net.my) atau [wahida.aw@felda.net.my](mailto:wahida.aw@felda.net.my).